KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 12 JUN 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | TAMBAH PENDAPATAN PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2. | PERTANIAN MODEN TANAMAN KONTAN TINGKAT PENDAPATAN, MUDA DUA, BH -2 | |
| 3. | PESAWAH PERLU EFISIEN, TIDAK PERLU TUNGGU SUBSIDI, NEGARA, KOSMO -4 | |
| 4. | SERIUS TANGANI ISU KEMISKINAN PESAWAH, NASIONAL, SH -8 | |
| 5. | KERAJAAN SERIUS TANGANI ISU KEMISKINAN PESAWAH, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 | |
| 6. | PM: GOVT SERIOUS IN TACKLING POVERTY ISSUES, NEWS, BORNEO POST ONLINE -6 | |
| 7. | MAHATHIR: FARMERS SHOULD UTILIZE LAND TO CREATE MORE INCOME, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 | |
| 8. | 'ADDRESS POVERTY AMONG FARMERS TO ENSURE FOOD SECURITY, NATION, THE STAR -4 | |
| 9. | 4 LAGI LEMBAH TENUSU DIBUKA, BISNES, BH -24 | |
| 10. | LEMBAH TENUSU, BISNES, HM -33 | |
| 11. | BANTU PELADANG TEMPATAN, BISNES, HM -33 | |
| 12. | FRESH MILK TO BE SELF – SUFFICIENT WITHIN 5 YEARS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 | |
| 13. | SIM TZE TZIN: HOPE FOR SELF SUFFICIENT WITH LOCAL FRESH MILK FROM 5 DAIRY PRODUCTS PRODUCTION, NATION, CHINA PRESS -A8 | |
| 14. | SIM: GOVT TARGET REACHING A SELF-SUSTAINABILITY OF DAIRY PRODUCTS WITHIN 5 YEARS, NEWS, GUANG MING DAILY -A9 | |
| 15. | SIM: GOVT TO ESTABLISH 5 MAIN DAIRY FARMS, NATION, SIN CHEW DAILY -4 | |
| 16. | SIM: MALAYSIA DURIAN WILL BE AVAILABLE IN NUMEROUS PLACE IN CHINA, NATION, SIN CHEW DAILY -4 | |
| 17. | PROJEK TAMBAK LAUT BELUM LULUS, UTAMA, SUARA KEADILAN -14 | |
| 18. | VETERINAR TERENGGANU SIASAT PEMUDA CEKIK AYAM, DALAM NEGERI, UM -7 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 19. | LELAKI CEKIK AYAM JANTAN DIBURU, NEGARA, KOSMO -14 | |
| 20. | JVNT SIASAT PEMUDA CEKIK AYAM JANTAN, SETEMPAT, HM -26 | |
| 21. | GOVT SHOULD BAN BIRD'S NESTS EXPORT, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 | LAIN - LAIN |
| 22. | CHUA DISAGREE EXPORT BIRD NEST TO CHINA, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14 | |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# Tambah pendapatan pesawah

Oleh YULPISMAN ASLI dan
JUANI MUNIR ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 11 JUN

KERAJAAN mengenal pasti beberapa langkah untuk menangani kemiskinan golongan pesawah yang selama ini bergantung kepada pemberian subsidi.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, antara langkah itu ialah meningkatkan kaedah pertanian moden, selain memperkenalkan tanaman kontan seperti sayuran dan buah-buahan bagi meningkatkan pendapatan mereka.

"Selama yang kita tahu penanam padi adalah golongan miskin dan mereka bergantung kepada subsidi kerajaan, kita kenalpasti beberapa perkara yang menyebabkan mereka terus dalam garis kemiskinan.

"Pertama, mereka mempunyai holding (sawah) yang terlalu kecil untuk memberi perolehan pulangan yang baik dan keduanya, mereka tidak efisien, di atas tanah satu ekar (0.4 hektar) boleh keluar (hasil) lapan tan, tapi mereka keluar cuma empat tan.

"Jadi pesawah perlu meningkatkan kaedah penanaman dan cara penggunaan baja. Kerajaan terpaksa bagi subsidi setahun RM1.8 bilion kepada 200,000 pesawah, ini satu kos yang tinggi.

"Jadi kita nak supaya mereka dapat menghasilkan pengeluaran lebih banyak per ekar dan pada masa sama kita mahu menangani masalah kemiskinan penanam padi dan tidak boleh paksa mereka hanya menanam padi," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) Bil. 3/2019 di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.



DR. MAHATHIR MOHAMAD dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Mohamed Azmin Ali (dua dari kiri), Saifuddin Nasution Ismail (kanan) dan Salahuddin Ayub. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Pengerusi Permodalan Nasional Berhad(PNB), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, pesawah boleh meningkatkan pendapatan mereka dengan menanam tanaman alternatif yang boleh memberi pulangan lebih baik.

"Kita perlu melihat perkara ini secara menyeluruh, sebab kemiskinan dan cara menanganinya dan pada masa sama kita mesti menjaga keselamatan bekalan makanan," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah mengarahkan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Dr. Ismail Bakar untuk mempercepatkan proses kelulusan permohonan pelaburan yang sebelum ini memakan masa dan melibatkan pelbagai agensi, dalam usaha merancakkan pertumbuhan ekonomi

Perdana Menteri memberi contoh pelaburan dalam sektor pembinaan perlu melalui 60 proses membabitkan pelbagai agensi untuk dapat kelulusan.

"Kita sudah ada pusat sehenti, tetapi kewujudan pusat sehenti juga tidak dapat mempercepatkan proses kelulusan pelaburan. Sebab itu kita telah mengarahkan Ketua Setiausaha Negara untuk mengurangkan bilangan proses, agensi dan masa yang diambil dalam memberikan kelulusan kepada pelaburan," katanya.

Sementara itu, kerajaan bersetuju menghidupkan semula Majlis Produktiviti Negara (NPC) bagi menetapkan panduan dan hala tuju strategik serta memacu agenda produktiviti negara secara menyeluruh.

Menurut kenyataan EAC, keanggotaan NPC akan disusun semula supaya keahliannya terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan berkepakaran untuk mengenal pasti isu dan masalah produktiviti di semua peringkat.

EAC turut memaklumkan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memulakan proses penyediaan pelan pembangunan negara, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang berpaksikan agenda kemakmuran bersama.

"Sesi libat urus bersama pelbagai pihak sedang dan akan dilaksanakan bagi menentukan pelan pembangunan tersebut yang bersifat menyeluruh dan mencapai matlamat," tambahnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/6/2019 | BERITA HARIAN | MUKA DUA | 2 |

# Pertanian moden tanaman kontan tingkat pendapatan

Langkah elak pesawah terus miskin, tidak bergantung subsidi: PM

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH /BH]



***Dr Mahathir bersama Mohamed Azmin dan Saifuddin (kanan)*** *pada sidang media di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.*

**Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Hazwan Faizal**
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya**

Kerajaan mengenal pasti beberapa langkah untuk menangani kemiskinan pesawah yang selama ini bergantung kepada pemberian subsidi, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ia adalah dengan meningkatkan kaedah pertanian secara moden selain menggalakkan pesawah memperuntukkan sebahagian tanah mereka untuk tanaman kontan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan bagi meningkatkan pendapatan.

"Selama yang kita tahu, penanam padi adalah golongan miskin dan mereka bergantung kepada subsidi kerajaan. Kita kenal pasti beberapa perkara yang menyebabkan mereka terus dalam garis kemiskinan.

"Pertama, mereka mempunyai *holding* (keluasan sawah) terlalu kecil untuk memberi perolehan pulangan baik dan kedua, mereka tidak efisien," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) Bil 3/2019 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan Pengerusi Permodalan Nasional Bhd, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Dr Mahathir memberi contoh, sawah seluas 0.4 hektar boleh mengeluarkan lapan tan hasil, tetapi yang berlaku cuma empat tan hasil dikeluarkan.

## Subsidi RM1.8 bilion

"Jadi, pesawah perlu meningkatkan kaedah penanaman dan cara penggunaan baja. Kerajaan terpaksa bagi subsidi setahun RM1.8 bilion kepada 200,000 pesawah. Ini satu kos yang tinggi," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mahu pesawah dapat menghasilkan pengeluaran lebih banyak bagi setiap hektar dan pada masa sama, mahu menangani masalah kemiskinan penanam padi yang boleh meningkatkan pendapatan dan menjana pulangan lebih baik dengan menanam tanaman alternatif.

"Umpamanya, tanaman kontan yang boleh dituai tiga atau empat kali setahun, yang memberi pulangan lebih baik berbanding padi. Tanaman padi di Kedah dituai dua kali setahun, tapi tempat lain sekali sahaja, jadi pendapatan mereka berkurangan, sebab itu kita perlu melihat perkara ini secara menyeluruh.

## Jaga keselamatan bekalan makanan

"Kita mesti menjaga keselamatan bekalan makanan. Kita perlu mengenal pasti bidang yang boleh dilakukan untuk sekurang-kurangnya membantu petani meningkatkan pendapatan dan pada masa sama, tidak membebankan kos kepada pengguna. Harga pengguna tidak boleh naik untuk menambah pendapatan petani," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan mahu mengkaji bagaimana pesawah yang efisien boleh menghasilkan lapan tan setiap 0.4 hektar dan menggunakan sistem mereka serta sistem lain untuk meningkatkan produktiviti pesawah.

"Sekiranya kita boleh mendapat lebih banyak lagi melalui penanaman tanaman lain seperti sayur-sayuran dan buah-buahan seperti harum manis (mangga), nanas dan semua itu boleh memberi pulangan yang lebih baik," katanya.

Sementara itu, EAC dalam satu kenyataan, memaklumkan mesyuarat EAC semalam, bersetuju menghidupkan semula Majlis Produktiviti Negara (NPC) bagi menetapkan panduan dan hala tuju strategik serta memacu agenda produktiviti negara secara menyeluruh.

"Keanggotaan NPC akan disusun semula supaya keahliannya terdiri daripada mereka berpengalaman dan berkepakaran untuk mengenal pasti isu dan masalah produktiviti di semua peringkat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/6/2019 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# Pesawah perlu efisien, tidak perlu tunggu subsidi

**PUTRAJAYA** – Isu kemiskinan dalam kalangan pesawah dan jaminan makanan menjadi perhatian utama kerajaan.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, antara faktor yang menyumbang kepada kemiskinan dalam kalangan penanam padi adalah kerana mereka terlalu bergantung kepada subsidi serta tidak efisien dalam menggunakan sepenuhnya tanah mereka.

Kerajaan, kata beliau, telah memperuntukkan lebih RM1.8 bilion setahun untuk memberi subsidi kepada 200,000 pesawah dan perlu mengimport AS$60 bilion (RM249 bilion) makanan setahun.

"Kita dah ada terima beberapa perkara yang menyebabkan mereka menjadi miskin. Pertama ialah mereka mempunyai pemegangan (tanah) yang terlalu kecil untuk memberi perolehan pulangan yang baik.

"Kedua mereka tidak efisien. Di atas tanah yang satu ekar boleh keluar lapan tan, mereka keluar cuma empat tan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi di sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Serius tangani isu kemiskinan pesawah

**PUTRAJAYA** - Isu kemiskinan dalam kalangan pesawah dan jaminan makanan menjadi perhatian utama kerajaan, kata Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, antara faktor yang menyumbang kepada kemiskinan dalam kalangan penanam padi ialah kerana mereka terlalu bergantung kepada subsidi serta tidak efisien dalam menggunakan sepenuhnya pemegangan tanah mereka.

Kerajaan, kata beliau, telah memperuntukkan lebih RM1.8 bilion setahun untuk memberi subsidi kepada 200,000 pesawah dan perlu mengimport AS$60 bilion makanan setahun.

"Kita dah ada terima beberapa perkara yang menyebabkan mereka menjadi miskin. Yang pertama ialah mereka mempunyai pemegangan yang terlalu kecil untuk memberi perolehan pulangan yang baik.

"Yang keduanya mereka tidak efisien. Di atas tanah yang satu ekar boleh keluar lapan tan, mereka keluar cuma empat tan," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi di sini semalam.



Kaedah penanaman padi perlu dipertingkatkan selain cara pesawah menggunakan baja bagi meningkatkan hasil tanaman serta tidak memaksa mereka menanam padi sahaja.

Dr Mahathir berkata, kaedah penanaman padi perlu dipertingkatkan selain cara pesawah menggunakan baja bagi meningkatkan hasil tanaman serta tidak memaksa mereka menanam padi sahaja.

"Mereka boleh ada tanaman gantian yang boleh beri pulangan yang lebih baik umpamanya tanaman kontan yang mana boleh dituai tiga kali, empat kali setahun dan memberi pulangan yang lebih baik berbanding penanaman padi.

"Padi di Kedah kita boleh tanam dua kali, di tempat lain cuma sekali. Jadi pendapatan mereka memang berkurangan sebab itu kita perlu lihat perkara ini (kemiskinan penanam padi) secara keseluruhan.

"Kita juga perlu mengenal pasti bidang yang boleh dilakukan untuk sekurang-kurangnya membantu petani meningkatkan pendapatan dan pada masa yang sama tidak membebankan kos kepada pengguna. Harga pengguna tidak boleh naik untuk menambah pendapatan petani," katanya. - *Bernama*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan serius tangani isu kemiskinan pesawah | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Kerajaan serius tangani isu kemiskinan pesawah

PUTRAJAYA: Isu kemiskinan dalam kalangan pesawah dan jaminan makanan menjadi perhatian utama kerajaan.

Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad berkata, antara faktor yang menyum-bang kepada kemiskinan dalam kalangan penanam padi ialah kerana mereka terlalu b...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | PM: Govt serious in tackling poverty issues | | |
| MediaTitle | Borneo Post Online(www.theborneopost.com) | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 6 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,050 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,150 |

# PM: Govt serious in tackling poverty issues

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad said among the factors that contributed to the poverty among paddy farmers were that they were too dependent on subsidy and not being efficient in fully utilising their land holding.
The government, he said had allo...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mahathir: Farmers should utilize land to create more income | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 859 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,805 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 32,415 |



## 马哈迪：勿依赖补贴

# 农民应善用稻田增收入

（布城11日讯）首相敦马哈迪医生表示，政府将视农民贫困和粮食安全问题为主要关注议题之一。

他透露，目前农民面对的贫困问题，包括他们过于依赖政府提供的补贴，以及无法有效且充分利用自己的稻田。

"政府每年拨出约18亿令吉补贴20万名农民，同时进口高达600亿美元粮食。"

马哈迪今日主持国家经济行动理事会后，在记者会指出，政府已接获部分导致农民面对收入低的因素，包括后者持有稻田面积太小，无法获得更好的收成。

### 须改进农耕方式

"一亩土地原能生产8吨稻米，但他们仅生产4吨。"

马哈迪说，农耕与施肥方式必须改进，同时也不能强迫他们仅种植稻米。

"他们可种植替代农作物，以得到更好的收入；他们可以种植具有经济价值的农作物，每年3至4次的收成，收入比稻米更好。

"吉打的稻米能在一年种植两次，但在其他地区只能一年一次，所以他们的收入肯定比较低，这就是我们要整体看待农民贫困的原因。"

出席记者会的理事会成员包括经济事务部长拿督斯里阿兹敏，农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁，国内贸易及消费人事务部长拿督赛夫丁和国民投资机构主席丹斯里沾蒂。



马哈迪（右二）在沾蒂（左起）、沙拉胡丁、阿兹敏和赛弗丁（右）的陪同下，宣布政府将关注农民贫困和粮食安全议题。

# 须增产粮食减少进口

马哈迪补充，大马也需要处理粮食安全问题，政府要研究如何让农民高效地以每亩土地生产出8吨的稻米。

他说，政府还计划将粮食进口减少至300亿美元，相当于目前进口量的一半。

"除了米饭外，我们一直专注于橡胶和棕油而不考虑我们的食物需求。

"我们必须投入更多土地用于生产我们从其他国家进口的粮食。我们需要进行现代化改造，以提高工作效率。

"也许农民应该将其土地的某一部分用于其他作物。"

马哈迪指出，如果我们可以通过种植其他作物如蔬菜和水果，如香甜芒、蜜瓜、黄梨等，这些都可以提供更好的收入。

"我们必须确定我们可以采取的措施，至少可以帮助农民提高收入，同时又不加重消费者负担，不能调涨物价，以提升农民的收入。"

# 料下月落实燃油新机制

首相敦马哈迪医生透露，政府至今未还未对燃油补贴新机制做决策。

不过，他说，政府正搜集相关数据，并在较后讨论。

当记者追问是否会展延落实该机制，身旁的赛弗丁向马哈迪提醒，政府计划在7月前落实。

马哈迪随后向记者表示，政府应可在7月落实新机制。

希望联盟政府欲为低收入群体（B40）提供燃油补贴而设的机制，至今尚未有定案，国内贸易及消费人事务部长拿督赛弗丁目前透露，该部仍在与财政部讨论，以敲定受惠者名单及该机制的最佳落实方式，以让真正有需要的群体能从中受惠。

# 重启国家生产力理事会

政府也同意重新启动国家生产力理事会，以建立和推动国内整体生产力议程的战略方向。

经济行动理事会秘书处在文告中透露，国家生产力理事

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/6/2019 | THE STAR | NATION | 4 |

# 'Address poverty among farmers to ensure food security'

**PUTRAJAYA:** Padi farmers must be brought out of poverty as a way to ensure food security, says Tun Dr Mahathir Mohamad.

The Prime Minister said farmers were stuck in poverty and heavily relied on government subsidies.

Dr Mahathir said currently the government had allocated RM1.8bil in subsidies annually for about 200,000 rice farmers.

This, he said, was too costly.

Dr Mahathir said holdings of farmers were too small to produce returns, adding that they were also not efficient in utilising their land.

"One acre of land which can produce eight tonnes (in padi yield) only produces four tonnes.

"We need to attend to this by improving the methods of planting and also the way farmers apply fertilisers and such," he said at a press conference after chairing the Economic Action Council yesterday.

Dr Mahathir said the government could not force farmers to solely plant rice but they should be encouraged to plant other crops that could yield good returns, especially those that would be harvested three to four times a year.

"In Kedah, for example, rice can be planted twice but in other areas it is only done once a year.

"So we need to look at this as a whole, as a reason for poverty among farmers and how to overcome it," the Prime Minister said.

"At the same time we must also look after food security. That has got to be attended to."

Dr Mahathir said consumers should not be burdened with rising cost in order to "enrich farmers".

Currently, the government imports RM60bil worth of food per year, and wants to bring that cost down by half.

Dr Mahathir said farmers could earn more through planting other crops, such as fruits and vegetables.

Citing his home state, Dr Mahathir said farmers in Kedah were producing harum manis (a variety of mango), melons and pineapples that gave them better returns.

"Maybe they should allocate a certain part of their land to grow other crops," he said.

Meanwhile, Dr Mahathir also said that the government was still gathering data on the proposed fuel subsidy.

The new-targeted fuel subsidy mechanism is expected to be rolled out in July.

"We have only come to the stage of getting data, no real decision has been made," he said.

Asked if the mechanism will still be introduced in July, Dr Mahathir said: "I think July (or) later."

In April, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said the government was looking into two methods of implementing the programme.

It is either through crediting an amount into the bank-accounts of recipients or introducing a petrol card.

The plan to move from blanket fuel subsidy to targeted subsidies was announced by Finance Minister Lim Guan Eng in Budget 2019.

For more stories:
**See page 6**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2019 | BERITA HARIAN | BISNES | 24 |



# 4 lagi Lembah Tenusu dibuka

Kerajaan mahu tingkat kapasiti pengeluaran susu segar tempatan

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH]



**Sim Tze Tzin** *bersama Karin Mossenlechner dan Tarang Gupta (kanan) pada majlis pelancaran program Farmer2Farmer oleh Dutch Lady Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.*

Kerajaan akan membuka empat lagi Lembah Tenusu di negara ini bagi meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran susu segar tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, dua lokasi Lembah Tenusu berkenaan adalah di daerah Muallim dan Larut yang terletak di negeri Perak, satu di daerah Bernam, Selangor dan satu lagi di Sabah.

Katanya, bagi Lembah Tenusu di Perak dan Selangor, ia dijangka mula beroperasi menjelang akhir tahun ini.

"Pembukaan lebih banyak Lembah Tenusu ini menyusuli kejayaan mengagumkan Lembah Tenusu yang sudah beroperasi di Muadzam Shah, Pahang yang mana ia dikendalikan sebuah syarikat tenusu utama dan turut disertai oleh peladang setempat.

## Sewa pada peladang tempatan

"Kerajaan akan menjalankan kerja-kerja infrastruktur di semua Lembah Tenusu berkenaan dan selepas ia siap, ia akan disewa kepada peladang tempatan yang mahu membiakkan lembu-lembu mereka," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran program Farmer2Farmer oleh Dutch Lady Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Duta Besar Belanda ke Malaysia, Karin Mossenlechner dan Pengarah Urusan Dutch Lady Milk Industries Bhd, Tarang Gupta

Mengulas lanjut, Tze Tzin berkata, Kadar Sara Diri (SSL) susu segar di negara ini masih rendah iaitu berada pada paras 58.2 peratus dan ia adalah rendah berbanding negara lain.

"Justeru, saya melihat masih banyak peluang yang boleh diteroka oleh peserta industri dan peladang kecil dalam industri tenusu di sini.

"Sekiranya dilihat dengan prestasi ladang kita, purata seekor lembu dapat menghasilkan 9.3 liter susu dan seekor lembu di Belanda mampu mengeluarkan sehingga 31 liter susu.

"Selain itu, menerusi operasi lima Lembah Tenusu berkenaan, kerajaan menyasar ia dapat meningkatkan SSL kepada 100 peratus dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/6/2019 | HARIAN METRO | BISNES | 33 |






*TZE TZIN (dua dari kanan) bersama Karin (dua dari kiri), Tarang (kiri) dan Pengerusi Dutch Lady Milk Industries Berhad, Datuk Zainal Abidin-Putih pada majlis pelancaran program Farmer2Farmer oleh Dutch Lady Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.*

# LEMBAH TENUSU

## Kerajaan sasar lima lokasi tingkat pengeluaran susu segar

Nabil Basaruddin
bisnes@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Kerajaan komited untuk merancakkan sektor tenusu negara melalui inisiatif pelaksanaan Lembah Tenusu yang dapat meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, Lembah Tenusu akan dibangunkan di lima lokasi iaitu di Muadzam Shah di Pahang, Muallim dan Larut di Perak serta Bernam di Selangor dan satu lagi lokasi yang belum dikenal pasti di Borneo.

Beliau berkata, Lembah Tenusu di Muadzam Shah adalah antara yang sudah beroperasi yang mana ia dikendalikan oleh satu syarikat tenusu utama dan disertai peladang setempat.

Katanya, tiga lagi lembah yang lain kecuali Borneo dijangka dapat mula beroperasi pada penghujung tahun ini dan berharap ia dapat membantu meningkatkan pengeluaran susu segar.

**FAKTA**
Lembah Tenusu di Muadzam Shah sudah beroperasi

"Kadar pengeluaran susu segar di Malaysia masih rendah iaitu berada pada paras 58.2 peratus dan ia adalah rendah berbanding negara lain menjadikan masih banyak peluang boleh diteroka peladang tempatan.

"Sekiranya dilihat dengan prestasi ladang kita, purata seekor lembu dapat menghasilkan 9.3 liter susu dan seekor lembu di Belanda mampu mengeluarkan sehingga 31 liter susu.

"Oleh itu, dengan adanya lembah ini, ia sedikit sebanyak membantu untuk meningkatkan pengeluaran dari 58.2 peratus kepada 100 peratus dalam tempoh lima tahun bermula tahun ini," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran program Farmer2Farmer oleh Dutch Lady Malaysia di sini, semalam.

Hadir sama, Duta Belanda ke Malaysia, Karin Mossenlechner dan Pengarah Urusan Dutch Lady Malaysia, Tarang Gupta.

Sim berkata, kerajaan akan menjalankan kerja membangunkan infrastruktur di semua lima Lembah Tenusu dan selepas ia siap, ia akan disewa kepada peladang tempatan yang mahu membiakkan lembu-lembu mereka.

Katanya, usaha itu juga dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada import tenusu seperti susu segar dan produk tenusu lain yang berjumlah RM3.9 bilion.

"Jadi, ia adalah peluang perniagaan yang boleh diteroka oleh peserta industri dan peladang kecil dalam industri tenusu di sini dan tidak lagi bergantung kepada import luar negara," katanya.

### Bantu peladang tempatan

**Kuala Lumpur**

Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady Malaysia) berhasrat untuk membantu membangunkan industri tenusu tempatan di negara ini melalui Program Farmer2Farmer yang mula dilaksanakan sejak 2013.

Pengarah Urusan Dutch Lady Malaysia, Tarang Gupta berkata, program berkenaan adalah inisiatif peladangan yang bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti dan pendapatan peladang tempatan.

Beliau berkata, ia adalah penting untuk mewujudkan asas yang kukuh dalam membina industri tenusu yang mampan bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dari kalangan pengguna Malaysia melalui program itu.

"Susu sentiasa menjadi minat syarikat dan kami sentiasa berbangga untuk berkongsi warisan dan amalan terbaik Belanda lebih 140 tahun dengan peladang tenusu Malaysia.

"Kami berharap mereka dapat mengeluarkan susu dengan jumlah yang besar dan kualiti lebih baik seterusnya memastikan industri tenusu yang lebih kukuh pada masa depan," katanya pada majlis pelancaran program Farmer2Farmer di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin dan Duta Belanda ke Malaysia, Karin Mossenlechner.

Program terbabit adalah sebahagian daripada Program Pembangunan Tenusu (DDP) oleh Royal FrieslandCampina, syarikat induk kepada Dutch Lady Malaysia.

Farmer2Farmer adalah kerjasama pintar antara Dutch Lady Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang disokong Kedutaan Belanda bagi membangunkan perniagaan peladangan tenusu yang kukuh untuk peladang tempatan.

Gupta berkata, sejak program DDP dilaksanakan di negara pada 2008, ia berjaya mengeluarkan sehingga 25 juta kilogram susu segar tempatan.

Malah, katanya, dari 2013 hingga tahun lalu, program Farmer2Farmer pula memberi manfaat kepada 300 peladang tenusu meliputi peserta dari lapan negeri.

# Risiko hutang isi rumah dilihat berkurangan

**Kuala Lumpur:** Risiko hutang isi rumah Malaysia dilihat berkurangan, namun bank kekal berdepan beberapa ketidaktentuan berikutan pendedahan terhadap isi rumah berpendapatan rendah dan pinjaman peribadi, demikian mengikut pandangan Fitch Ratings.

Agensi penarafan terkemuka antarabangsa itu berkata, sektor isi rumah mewakili 58 peratus daripada pinjaman kasar bank, dengan 37 peratus daripadanya membabitkan peminjam berpendapatan rendah iaitu mereka yang berpendapatan sehingga RM5,000 sebulan.

> "Peminjam seperti itu lazimnya mempunyai aset penampan yang terhad untuk mengekang risiko kegagalan, manakala pendedahan bank terhadap mereka cenderung selamat, nisbah pinjaman kepada nilai (LTV) boleh menjadi tinggi, melemahkan prospek pemulihan"
> *Fitch Ratings*

Ia berkata, peminjam seperti itu lazimnya mempunyai aset penampan yang terhad untuk mengekang risiko kegagalan, manakala pendedahan bank terhadap mereka cenderung selamat, nisbah pinjaman kepada nilai (LTV) boleh menjadi tinggi, melemahkan prospek pemulihan.

"Kira-kira 28 peratus keseluruhan pinjaman bank (di Malaysia) mempunyai nisbah LTV lebih 80 peratus," katanya dalam laporannya bertajuk Bank Malaysia: Hutang Isi Rumah.

Fitch Ratings berkata, pendapatan isi rumah kekal penting untuk menyokong kapasiti perkhidmatan hutang mereka dan aktiviti ekonomi yang lebih meluas.

Ia berkata, ekuiti sistem perbankan nisbah Peringkat 1 berada pada paras kira-kira 13.5 peratus pada akhir April lalu, yang mana ia mencadangkan kapasiti penyerapan kerugian yang kukuh sekiranya berdepan tekanan berpotensi.

Agensi penarafan itu juga percaya bahawa standard pemberian pinjaman bank untuk isi rumah kekal kukuh secara meluas sejak pengawal selia mengambil langkah pengetatan sejak 2010-2013.

"Kami jangka disiplin ini akan berterusan, tetapi kami kekal memantau sebarang pelonggaran dalam standard yang boleh menyebabkan risiko meningkat sekali lagi," katanya.

# CEO InvestKL letak jawatan 10 Julai depan

**Kuala Lumpur:** Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) InvestKL Datuk Zainal Amanshah akan meletakkan jawatan apabila kontraknya tamat pada 10 Julai depan selepas berkhidmat selama lapan tahun sejak 2011.

Zainal bakal meninggalkan agensi promosi pelaburan itu untuk meneroka lebih banyak peluang dalam sektor swasta dan sebagai perintis di InvestKL.

Malah, sepanjang tempoh beliau berkhidmat, InvestKL berjaya menarik 80 syarikat multinasional (MNC) setakat 31 Mei lalu membawakan jumlah pelaburan diluluskan berjumlah RM12 bilion ke Greater Kuala Lumpur.

Zainal berkata, Malaysia dalam kedudukan yang baik dengan persekitaran perniagaan yang mesra serta pusat tumpuan untuk menarik lebih banyak pelaburan.



ZAINAL

"Meskipun wujud ketidaktentuan ekonomi serta kemelut antara Amerika Syarikat dan China, perancangan pelaburan InvestKL kekal kukuh," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi InvestKL, Datuk Seri Michael Yam turut mengumumkan pelantikan Muhammad Azmi Zulkifli sebagai pemangku CEO InvestKL berkuat kuasa 1 Julai depan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fresh milk to be self-sufficient within 5 years | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 566 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,120 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,359 |



## 沈志勤：5 牛场养殖乳牛
# 鲜奶5年内自供自给

**（吉隆坡 11 日讯）**农业及农基工业部将通过 5 个牧牛场开拓国内乳牛养殖业，并放眼在 5 年内达到鲜奶 100% 自供自给的目标。



卡琳（左起）、达朗古达、赛纳阿比丁和沈志勤为“乳牛”上色。

该部副部长沈志勤说，首个已推出的牧牛场位于彭亨州嫚莪吉莎，这个项目已有成果，另外 4 个牧牛场将在今年内推出。

### 目前仅够58.3%需求

他说，牛场有大型乳牛公司和小型乳牛场经营的形式，政府提供牛只和支援设备，前者负责 70% 的经费，另外 30% 由政府资助。反之，小型乳牛场，70% 经费由政府负责，养殖人负责 30%。

他指出，我国鲜奶生产目前仅足以应付市场需求的 58.3%，其余必须依靠外国进口。

“去年，我国进口 39 亿令吉包括鲜奶在内的乳制品，国人对乳制品尤其是鲜奶的消费增长快速，所以本地鲜奶供应显然有助推进国家经济。”

沈志勤今日在荷兰驻马来西亚大使官邸出席马来西亚子母牌的农民对农民计划推介礼后发表谈话。出席者包括荷兰驻马大使卡琳、马来西亚子母牌主席拿督赛纳阿比丁、董事经理达朗古达，马来西亚兽医局副总监拿督诺里由等。

农民对农民计划（F2F）于 2013 年在乳制品公司菲仕兰公司全球乳制品发展计划下推出，今年迈入第六个年头。

来自荷兰的农民亲自来我国传授乳牛养殖的知识，在经验、知识和技术分享下，协助改进我国养殖业的质与量，进而改善农民的生活素质。

马来西亚子母牌今天也安排来自荷兰的第六代养牛人 Evert Jan Wijers 及从银行家转为养牛人的诺阿都华合分享养殖业的经验。

## 农民计划助克服养殖业挑战

沈志勤说，本地乳制品业的永续发展，可确保国人获取高品质牛奶及带动国内养殖业的就业机会。

他指子母牌推出的上述农民计划，成功克服养殖业在技能和训练，以及育种绩效，农场管理和饲养所面对的挑战。

他说，目前，子母牌从霹雳、马六甲、森美兰取得鲜奶供应，包括数家直接供应鲜奶到子母牌位于八打灵再也的牛奶加工厂。

### 分享优良食品作业

卡琳说，农民计划象征马来西亚、荷兰和子母牌的三方合作关系，荷兰决心分享优良食品生产作业，协助日益提高的世界需求。她说，荷兰是继美国之后，第二大的农产品生产出口国家。

达朗古达说，子母牌和马来西亚政府之间的农民对农民计划至今已发展到 8 个州属，受惠农民约 300 人。

他说，全球农民平均年龄增加下，下一代参与乳牛养殖业显得非常关键，通过农民计划，也许能鼓励年轻人加入。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Tze Tzin: Hope for self sufficient with local fresh milks from 5 dairy products production | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A8 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 349 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,884 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,653 |





■沈志勤（左4）推介子母牌公司农民计划，左起为达朗古达、卡琳和再纳阿比丁。

# 沈志勤：設5個乳品谷
# 盼本地鮮奶自給自足

（吉隆坡11日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤说，该部将通过设立5个乳品谷的方式开拓国内奶牛养殖业，并放眼5年内达到本地鲜奶100%自给自足的目标。

他说，位于彭亨慕阿占沙镇的首个乳品谷已略有成果，另外4个乳品谷将在今年内投运，其中两个在霹雳慕亚林和拉律、一个在雪州沙白安南，另一个则在沙巴。

“乳品谷有大型奶牛养殖公司和小型奶牛场经营的形式，政府将为它们提供牛只和支援设备，前者负责70%经费，政府资助30%；反之，政府为小型乳牛场提供70%经费，剩余的则由养殖人负责。”

沈志勤今日出席大马子母牌公司的农民计划推介礼后说，我国鲜奶生产目前仅足以应付58.3%的市场需求，其余必须依靠外国进口。

“我国在去年入口的乳制品包括鲜奶多达39亿令吉，人民对奶制品尤其是鲜奶的消费增长快速，所以本地鲜奶供应显然有助推进国家经济。”

沈志勤说，本地乳制品业的永续发展，可确保国人获取高品质牛奶及带动国内养殖业的就业机会。

他以大马子母牌公司推行的计划为例，指上述计划成功克服养殖业在技能和训练，以及育种绩效，农场管理和饲养所面对的挑战。

另一方面，荷兰驻马大使卡琳说，农民计划象征马来西亚、荷兰和子母牌的三方合作关系，并说荷兰决心分享优良食品生产作业，协助日益提高的世界需求。

出席者包括大马子母牌主席拿督再纳阿比丁和董事经理达朗古达和等。

Powered by: isentia

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Headline | Sim : Govt target reaching a self-sustainability of dairy products within 5 years | | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color | |
| Section | News | Circulation | 49,712 | |
| Page No | A9 | Readership | 149,136 | |
| Language | Chinese | ArticleSize | 332 cm² | |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,030 | |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,091 | |






■沈志勤（右三）在嘉宾陪同下推介“2019年农友对农友计划”时，竖起拇指对这项计划喊“赞”；左二起为塔南古达和卡林，右二是子母牌奶制品公司主席再纳。

# 沈志勤：制定5牛場谷計劃
# 放眼乳製品自供自給

（吉隆坡11日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤说，国内的牛奶及乳制品只能供应与满足58.25%的市场需求，因此政府已定下要于未来5年，100%落实牛奶及乳制品产量自供自给的目标。

他今日为子母牌奶制品公司推动的“2019年农友对农友（Farmer2Farmer）”计划主持推介礼时说，2018年的统计显示，国内对鲜奶的需求量达到6300万公升，但国内鲜奶的年产量只是3850万公升，其余则从澳洲、纽西兰等国家进口。

“农业部希望鲜奶产量到2024年能够提升至6500万公升。”

“我国于2018年进口总值39亿令吉的乳制品，如牛奶、乳酪及酸奶等，因此有很大的市场成长潜能。”

沈志勤说，为了实现100%自供自给的目标，农业部已在《2019至2020年农业部发展路线图》下制定5大牛场谷计划。

他说，这5大牛场谷分布在彭亨州的姆阿詹沙（Muadzam Shah）、霹雳州的Mu ‘allim及拉津Matang Selama 2个牛场谷、雪兰莪州安南（Bernam）牛场谷及婆罗洲牛场谷发展计划。

## 子母牌助训练农友

他说，姆阿詹牛场谷经已投入运作，Mu ‘allim、拉津、安南牛场谷则预料会于今年杪运作。

沈志勤说，为了鼓励更多人参与牛场谷牧牛计划，若有小园主计划参与，政府可以提供70%牛只采购成本保证金（Bond）；若是商业公司参与，政府则提供30%的牛只采购成本保证金，本身出资70%，即是30%对70%的倡议。

他透露，农业部也与马来西亚子母牌公司及其他企业，共同探讨能否以伙伴形式参与牛场谷计划，从而无需依赖进口。

他说，我国一头牛目前每天生产9.3公升鲜奶，在荷兰，每只牛每天可以生产31公升鲜奶，子母牌奶制品公司因此于今天全力推动“2019年农友对农友”计划，以协助提升国内鲜奶的素质和产量。

他表示，荷兰面积只有彭亨州般大，却是世界最大农业与粮食生产国，是美国之后世界第二大农产品生产国，给予马来西亚农业发展很大的启发。

另外，子母牌奶制品公司董事经理塔南古达说，“农友对农友”计划今年进入第六年，至今已训练约300名牧牛的农友，今年则计划培训100名。

他说，荷兰在这项计划下与本地农友分享养牛的知识、经验与专业技术，从中协助提升马来西亚鲜牛奶的素质与产量，即从每头牛的9.3公升提高到11.5公升。

荷兰驻马来西亚大使卡林说，荷马两国双边贸易额约为78亿美元，马来西亚对荷兰的出口额达到64亿美元，荷兰对马来西亚的出口额为14亿美元；目前在马来西亚经商的荷兰公司有约200家。(LMY)

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim : Govt to establish 5 main dairy farms | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 297 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 9,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 27,000 |



沈志勤（右三）在嘉宾陪同下为2019年农友对农友计划主持推介，并竖起拇指特这项计划喊"赞"。左二起为塔南古达、卡林及右二子母牌奶制品公司主席拿督再纳。



沈志勤：乳製品5年內自供自給

# 打造5大牛場谷

（吉隆坡11日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤说，由于我国的鲜奶和乳制品只能供应和满足58.25%的市场需求，因此，政府已定下未来5年，在鲜奶的生产量方面实现100%自供自给的目标。

"根据2018年的统计，大马的鲜奶需求量达到6300万公升，不过，国内鲜奶的生产量只达3850万公升，其余则从澳洲、纽西兰等国进口。该部希望到了2024年，能将鲜奶产量提升至6900万公升。"

他说，大马于2018年在乳制品如鲜奶、乳酪和奶粉等产品的进口额达39亿令吉，因此有很大的市场成长潜能。

## 乳制品市场潜能大

沈志勤今日为一项由子母牌奶制品公司推动的2019年农友对农友（Farmer2Farmer）计划主持推介礼时说，为了实现100%自供自给的目标，该部制定了5大牛场谷计划，涵盖在2019至2020年农业部发展路线图。

"这5大牛场谷分布在彭亨州的（Muadzam Shah）、霹雳州的Muallim和拉律Matang Selama2个牛场谷、吉兰丹安南（Hernani）牛场谷及登嘉楼牛场谷发展计划。目前淡阿登牛场谷已投入运作，而Muallim、拉律、安南牛场谷预计今年年杪将会运作。"

他指出，若是有小园主计划参与上述牛场谷牧牛计划，政府可提供70%牛只采购成本保证金（Bond），以鼓励更多人参与；若是商业公司参与，则牛只的30%采购成本保证金由政府提供，70%本身出资，这就是30%对70%的做法。

他说，农业部也与子母牌大马公司及其他企业，共同探讨是否能以伙伴形式参与这5个牛场谷计划，这样一来就不需依赖进口。

## 推动农友对农友计划

他披露，目前我国一头牛每天生产9.3公升的鲜奶，反观荷兰每只牛每天鲜奶产量达到31公升；因此，子母牌奶制品公司今天全力推动了"2019年农友对农友"计划，以协助提升国内鲜奶的素质和产量。

他说，荷兰面积只有彭亨州般大，却是世界最大农业和粮食生产国，及美国之后世界第二大农产品生产国，对大马农业发展给予很大的启发。

## 塔南古达：分享养牛知识经验

子母牌奶制品公司董事经理塔南古达说，上述计划今年已迈入第6年，而通过2019年"农友对农友"计划，荷兰方面将分享养牛的知识、经验与专业技术，以指导本地养牛的农友，从中协助提升大马鲜牛奶的素质与产量，即从每头牛的9.3公升提高到11.5公升。

"过去6年，该公司已经训练了约600位大马牧牛的农友，而今年则计划培训100名。"

此外，荷兰驻马来西亚大使卡林说，荷兰与大马两国双边贸易额大约为78亿美元，大马对荷兰的出口额达到61亿美元，而荷兰对大马的出口额为17亿美元；目前有约200家公司驻马营商。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim : Malaysia durian will be available in numerous place in China | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 468 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 14,182 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 42,545 |





→带壳鲜榴梿大马猫山王（右一图），每公斤标价8美元80仙至9美元80仙

→→阿里巴巴网购平台，也可选购到大马D24鲜榴梿（右）。点击供应商联系资料时，出现"Tan Xing Hong FRUIT GENERATION INDUSTRIAL SDN. BHD"

## 沈志勤：通過阿里等網購便利

# 中各地可買到馬榴槤

（吉隆坡11日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤说，中国网购平台如阿里巴巴和京东（JD），最近推介了网购大马冷冻带壳新鲜榴梿的便利，是很好的发展，可以将大马带壳榴梿卖到大陆的小镇、最小城市去。

他表示，虽然第一批的大马冷冻带壳新鲜猫山王，还未正式出口至中国，然而，网商如阿里巴巴、京东已经开放网购的便利。

他今日出席"2019年农民对农民"计划推介礼后向媒体说，首批的大马冷冻带壳榴梿何时登陆中国，目前还不清楚，不过，中国市场对大马猫山王拥有很浓的兴趣。

### 暂无法预测供应量

他说，目前农业部暂时还没办法预测，到底需要供应多少的货柜量，才能满足中国人对猫山王的需求。

"因为如之前谈到，该部还在等待中方发布一份确认公司的名单，一旦确认公司名单出炉，到时才能知猫山王等品种的出口量，因届时中方的公司，会向大马的冷冻处理厂商下订单。"

询及会否今年秒发布该确认名单时，沈志勤重申，农业部还不晓得中方何时将发布，已向农业部注册的冷冻带壳榴梿处理厂（Exporter）共有9家，获中方审查的大马冷冻处理厂则有7家。



**近年來西馬貓山王榴槤售價**

| 年份 | 猫山王（每公斤） |
|---|---|
| 2013年 | 36令吉50仙 |
| 2014年 | 33令吉 |
| 2015年 | 35令吉 |
| 2016年 | 39令吉55仙 |
| 2017年 | 90令吉 |
| 2018年 | 40令吉 |
| 2019年7、8月 | （估计）35令吉 |

## 阿里網購D24貴過貓山王

### 林祥益：或是市場混亂

阿里巴巴网购平台今日显示，大马猫山王榴梿每公斤标价8美元80仙至9美元80仙，网购最少必须150公斤；大马D24每公斤标价13美元50仙至15美元50仙，最低限购200公斤。

大马榴梿出口商林祥益受询时说，其实在目前冷冻带壳榴梿刚开始获准输华阶段，像阿里巴巴这样网购平台，将通过大马这里所成立专司大马水果的公司，来配合把猫山王输入大陆；网购平台的推介是为了先试探大陆市场的反应。

他指出，出口商相信中国方面会发出特别批文，让阿里巴巴旗下大马水果公司配合，先将一批譬如说10吨猫山王输华，当渠道顺畅了，产品也没问题才大量正式输华。

### 猫山王中市价100至120令吉

他说，大马猫山王在大陆每公斤市价预期可卖到200至250元人民币（约100至120令吉），会是不错的价位。

但他好奇的是，阿里巴巴平台对大马D24每公斤标出13美元50仙至15美元50仙的售价，竟然还贵过猫山王。"这可能是市场在刚开始时的混乱吧。"

针对中方至今还未发布"确认公司名单"，林祥益认为，虽有7家大马的冷冻处理厂获得中国官员审查，但真正符合要求和资格，没7家这么多，可能只有3或4家。

## 貓山王曾漲至每公斤90令吉

就国内市场，猫山王每公斤售价于2017年写下最高的涨幅，即由原本的30多涨至90令吉最高价，身价涨了约42%。后来，猫山王售价于2018年回跌至每公斤40令吉。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/6/2019 | SUARA KEADILAN | UTAMA | 14 |

# Projek tambak laut belum lulus

Oleh HAIZIR OTHMAN



**PROJEK** tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) hanya akan diteruskan setelah mendapat kelulusan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin **(gambar)**.

Katanya, MPFN telah mendengar pandangan dari kedua-dua belah pihak iaitu kerajaan negeri Pulau Pinang dan NGO-NGO alam sekitar yang membantah projek tersebut.

"Secara prinsipnya, kerajaan belum membuat keputusan tetapi akan meneliti semua pandangan terutamanya dari jabatan dan agensi kerajaan pusat seperti EIA (Kelulusan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) dari MESTECC (Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim)."

"Mereka juga akan dengar dari Kementerian Pertanian sebab nelayan terlibat, aktiviti nelayan terjejas, sumber ikan mungkin terjejas, 'mud-flat' (dataran lumpur) tempat untuk pembiakan ikan (juga terjejas)," katanya ketika ditemui.

Jelasnya, di pihak kementeriannya, Jabatan Perikanan akan berbincang dengan kerajaan negeri Pulau Pinang untuk mengurangkan kesan projek kepada para nelayan dan aktiviti perikanan.

"Semua pembangunan akan mencetuskan isu alam sekitar. (Persoalannya) bagaimana meminimumkannya."

"Tertakluk kepada perbincangan kerajaan negeri dengan pusat untuk menyelesaikan isu perikanan, nelayan dan alam sekitar. Pada masa itu barulah diberi persetujuan. Diputuskan oleh Majlis (Perancang) Fizikal Negara," kata Ahli Parlimen Bayan Baru itu.

Walau bagaimanapun katanya yang juga Timbalan Ketua Penerangan KEADILAN, kebajikan nelayan tetap diberi keutamaan termasuk melalui pembinaan jeti moden, mendapatkan pekerjaan baru, pemberian pampasan, penyediaan kediaman baru dan sebagainya jika projek ini diluluskan kelak.

Projek PSR dicadangkan kerajaan negeri Pulau Pinang bagi membiayai kos Pelan Induk Pengangkutan (PIP) dianggarkan bernilai RM49 bilion untuk membendung masalah kesesakan lalu lintas di negeri ini.

Pelaksanaannya membabitkan projek pembangunan tiga pulau buatan berkeluasan 1,700 hektar, yang dijangka mampu menyaingi Marina Bay di Singapura.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |


# Veterinar Terengganu siasat video pemuda cekik ayam


Oleh EZZUAH AHMAD
pengarang@utusan.com.my


■ DUNGUN 11 JUN

JABATAN Perkhidmatan Veterinar negeri akan menjalankan siasatan berhubung tindakan seorang pemuda di daerah ini yang mencekik seekor ayam jantan sebagaimana yang tular di laman sosial Facebook sejak Sabtu lalu.

Pengarahnya, Dr. Mohd. Termizi Ghazali berkata, ketika ini pihaknya sedang mengumpulkan maklumat berhubung kejadian itu.

Katanya, perbuatan yang dilakukan oleh pemuda tersebut jelas menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab kerana secara sengaja mencekik haiwan dengan niat untuk bergurau.

"Kita memandang serius perkara ini kerana ia merupakan satu penderaan terhadap haiwan meskipun dengan niat untuk bergurau.

"Kita akan mengumpulkan maklumat berkenaan perkara itu dan meminta bantuan daripada komuniti setempat untuk menyalurkan maklumat kepada kita," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Video berdurasi 13 saat itu memaparkan pemuda terbabit mencekik leher ayam jantan tersebut sehingga haiwan berkenaan mengalami kekejangan.

Tindakan tersebut turut mendapat perhatian daripada Persatuan Haiwan Malaysia yang mahu Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengambil tindakan tegas terhadap pelaku yang mencekik ayam tersebut.

Menurut Mohd. Termizi, jika sabit kesalahan pemuda itu boleh didakwa di bawah Akta Kebajikan 2015 yang memperuntukkan hukuman denda dan penjara kerana perlakuan kejam yang boleh ditakrifkan penganiayaan terhadap haiwan.



GAMBAR yang tular menunjukkan seorang lelaki mencekik seekor ayam jantan sehingga haiwan tersebut mengalami kekejangan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2019 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Suspek bertindak kejam sehingga haiwan itu mengalami kekejangan

# Lelaki cekik ayam jantan diburu

Oleh EZZUAN AHMAD

**DUNGUN** – Seorang lelaki berusia 20-an diburu selepas video memaparkan dia mencekik seekor ayam jantan dalam kejadian yang dipercayai berlaku di daerah ini mula tular menerusi media sosial sejak Sabtu lalu.



MOHD. TERMIZI

Berdasarkan video berdurasi 13 saat itu, suspek yang dikelilingi beberapa lelaki lain dipercayai rakan-rakannya didapati telah mencekik leher ayam jantan tanpa diketahui motifnya sehingga menyebabkan haiwan itu mengalami kekejangan.

Video yang tular itu mendapat kecaman pelbagai pihak turut menarik perhatian Persatuan Haiwan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Pengarah Perkhidmatan Veterinar Terengganu, Dr. Mohd. Termizi Ghazali berkata, pihaknya mengecam perbuatan pemuda terbabit dan telah melakukan siasatan berhubung kes tersebut.

"Perbuatan sengaja mencekik ayam tersebut sangat tidak tidak bertanggungjawab walaupun dengan niat hanya untuk bergurau. Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri juga mendapat desakan daripada Persatuan Haiwan Malaysia untuk mengambil tindakan tegas berhubung kes itu.

"Sehubungan itu, kami amat memandang serius insiden berkenaan dan sedang mengumpul maklumat bagi mengenal pasti identiti pelakunya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Mohd. Termizi berkata, tindakan lelaki itu boleh diklasifikasikan sebagai penganiayaan terhadap haiwan dan tindakan undang-undang mengikut Akta Kebajikan 2015 boleh dikenakan.

Jelasnya, berdasarkan peruntukan undang-undang terbabit, hukuman denda sekurang-kurangnya RM20,000 atau penjara maksimum tiga tahun boleh dikenakan kepada pelakunya jika sabit kesalahan.

"Oleh itu, orang awam yang mengenali atau mempunyai maklumat berhubung kes terbabit dimohon tampil membantu Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri untuk menyelesaikan siasatan," jelasnya.



IMEJ lelaki yang dipercayai mencekik seekor ayam jantan tular menerusi media sosial sejak Sabtu lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 26 |

# JVNT siasat pemuda cekik ayam jantan

**Dungun:** Mana-mana individu yang menganiaya haiwan boleh dikenakan denda sehingga RM20,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun, jika sabit kesalahan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu (JVNT) Dr Mohd Termizi Ghazali berkata, hukuman itu mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang diguna pakai ke atas semua pihak termasuk seorang pemuda yang didakwa mencekik ayam jantan.

Katanya, pihaknya sedang menyiasat kes itu dan mengumpul maklumat lanjut berkaitan walaupun ada mendakwa ia hanya bertujuan sebagai gurauan.

"Kami memandang serius perkara ini yang jelas menunjukkan satu perbuatan penderaan terhadap haiwan walaupun hanya berniat bergurau.

"Kami sedang mengumpul maklumat dan kita berharap masyarakat setempat menyalurkan maklumat bagi membantu kami," katanya di sini, semalam.

Video berdurasi 13 saat yang tular di Facebook, beberapa hari lalu menunjukkan pemuda mencekik leher ayam jantan hingga haiwan itu mengalami kekejangan.



**Kami memandang serius perkara ini yang jelas menunjukkan satu perbuatan penderaan terhadap haiwan"**

***Dr Mohd Termizi Ghazali***

Perkara itu turut mendapat perhatian Persatuan Haiwan Malaysia yang mahu Jabatan Veterinar Malaysia menjalankan siasatan terhadap pelaku.

Dr Mohd Termizi turut mengingatkan semua pihak supaya tidak melakukan perkara dilarang undang-undang, malah urusan penyembelihan haiwan ternakan juga perlu patuh garis panduan.

"Antara syaratnya ialah binatang yang disembelih, tidak boleh dipukul atau dipertontonkan kepada umum," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt should ban bird`s nests export | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 843 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,604 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,811 |



## 蔡千根：避免国人没得吃

# 政府应禁毛燕出口

（蒲种 11 日讯）马来西亚燕窝产业出口协会促请希盟政府仿效印尼禁止毛燕出口，确保国内燕窝工业蓬勃发展，避免国人在未来只能吃进口燕窝。

该协会会长拿督蔡千根指出，前朝政府在过去几年一直推动毛燕出口，惟该协会一直都不表示支持。

蔡千根说，国内毛燕年产量大约只有 200 吨，中国 1 年的进口量，估计可达到 250 吨。

### 原料留在国内

"国内目前约有 1000 多家燕窝加工厂，因此我们应把原料（毛燕）留在国内，特别是加工厂在过去几年已投入许多资金，提升燕窝的品质，以及已形成一个稳定的产业生态，包括创造许多就业机会，以及为国家赚取外汇。"

出席者包括马来西亚燕窝产业出口协会副会长林决锦、秘书张翔维、副秘书宋锦兴及财政余福泽。

蔡千根今日针对马来西亚对华特使陈国伟日前发表"出口毛燕到中国是大势所趋"以及"燕窝业遭前朝政府朋党垄断"的谈话，召开记者会回应。

陈国伟日前应邀访问中国福建厦门，拜访"东南燕都产业园"及"进口毛燕查验暂存及指定加工一体化平台"。

陈国伟当时指出，合法出口毛燕到中国是大势所趋，农业及农基工业部应与时俱进，放宽毛燕出口。



蔡千根（右）指出，该协会不支持毛燕出口。旁为张翔维。

## 鼓励发展燕窝加工业

蔡千根强调，农业与农基工业副部长沈志勤曾表示新政府鼓励本地燕窝商发展燕窝加工业，因此该协会希望政府能仿效印尼，制定明确的禁止毛燕出口的政策，让燕窝业者可安心增加投资。

他指出，该协会的立场较为简单，就是促请政府鼓励属于轻工业的燕窝业的发展，让大马燕窝品牌能打入国际市场，以及发挥更大潜能。

蔡千根本身也是燕农。他促请燕农勿因为短期利益，就将用来生产净燕的毛燕出口，因为这么做最终将导致国内燕窝加工厂萎缩，燕窝届时反而是从国外进口。

"我们也相信，陈国伟是因为听取片面之词或误导性的报道，才发表这样的谈话。"

他补充，燕农勿以为毛燕可轻易出口，因为根据前朝政府与中国政府签订的燕窝输华协议书，毛燕出口必须符合多项规范。

### 垄断论伤害商家名誉

## 邀陈国伟参观燕窝工业

蔡千根指出，陈国伟指"本地燕窝业已遭垄断"的谈话，严重伤害了本地燕窝商的名誉，因此该协会已在昨日致函陈国伟，邀请他参观及考察本地燕窝工业。

他指出，本地燕窝业不存在垄断情况，包括燕农可自由将毛燕卖给任何人，以及只要燕窝商符合中国设定的出口规范，即可以将燕窝出口至中国。

他指出，陈国伟在发表有关言论前，应先了解国内燕窝产业的实际情况。

"我们希望能与陈国伟交流，以便向他传达燕窝商运作的情况。"

蔡千根指出，国内目前共有 33 家企业通过了中国设定的规范，以及另有几家仍在等待中国方面的审核。

他指出，根据媒体有关陈国伟拜访福建厦门的报道，所谓"设立进口毛燕查验暂存及指定加工"一体化平台"情况，才是属于所谓的"垄断"。

"届时国内毛燕并不能直接出口，而是必须通过指定出口商，所以对我们而言，这才是特定利益团体真正的垄断中国及大马市场。"

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chua disagree export bird nest to China | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 12 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A14 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 293 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,285 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,855 |



## 蔡千根：不支持出口中国

# 燕窝被垄断指责不实

（吉隆坡5日讯）马来西亚燕窝产业出口协会坚决不支持将毛燕出口到中国，并强调我国燕窝被垄断的指责不属实。

马来西亚燕窝产业出口协会会长蔡千根披露，日前有报道大马对华特使暨马中商务理事会主席陈国伟发表“大马燕窝行业被垄断”言论。

他说，马中商务理事会首席执行官丘光耀，甚至在其脸书发表“新政府要协助广大的马来西亚燕农，不是照顾前朝政客朋党集团的利益”的贴文。

他认为，有关言论严重伤害到马来西亚所有燕窝业名誉。他说，陈国伟是在受中国福建厦门私人企业邀请，带领官员一同拜访有关企业时，发表垄断的言论及批评马来西亚政府，认为农业部应该了解中方政策。

他今日召开记者会强调，该协会认为，此言论已经严重伤害马来西亚燕窝产业及分裂人民的团结，而且让国外私人企业批评大马政府也有欠妥当。

“请问何谓‘垄断’，目前共有33家马来西亚燕窝出口企业，是根据2012年9月19日在广西南宁由中马两国签署的输华燕窝协议书及配合两国国家政策进行自由贸易进出口。”

他强调，33家的正规燕窝加工企业，是通过中国国家质量监督检验检疫总局的审核认证注册的加工企业。目前还有14家的第4批的企业正等待中国官方的审核认证注册。



朱锦兴（左起）、张翔维、蔡千根、林决锦和余福泽出示马中两国签署的输华燕窝协议书。

他指出，现在的33家企业覆盖了马来西亚东西马各州属，同时中国各大省份都可实行自由进口贸易。因此，只要符合资格的企业都可以自由参与进出口贸易，完全是开放式和自由的贸易，没有任何垄断的迹象。

“相反的，对于中国厦门的私人企业，企图建设中国唯一的进口毛燕检查暂存及指定加工一体化平台，规定所有毛燕窝原料都必须通过此企业进口到检查暂存及指定园区进行加工行为，才是个变相的垄断。”

“同时要指定的毛燕出口商负责统一出口毛燕，这才是真正的利益集团联合政府官员垄断中马燕窝市场！”

他说，协会已经致函陈国伟要求交流，包括邀请对方到大马燕窝加工企业考察，了解大马燕窝行发展趋势。

“我们也相信特使是因为听取中方私人企业片面之词及误导性报告所导致。”

他认为，我国各部门机构应该要紧密联系，了解情况后再发表声明，避免市场感到混乱。

陈国伟本周日到中国厦门拜访时指某些政客蓄意设立过高的净燕出口门槛，协助朋党垄断牟利。

出席记者会者包括副会长林决锦、秘书张翔维，秘书朱锦兴和财政余福泽。#



蔡千根认为，只要把燕窝原料留在马来西亚，让马来西亚的企业们进行加工及生产燕窝下游产品，可以增加人民的收入及就业机会，同时发展属于“马来西亚品牌的燕窝产品”。（档案照）

Powered by: isentia